

Negeri Selangor berjaya walaupun serah KL kepada Persekutuan — PM

UM - 8 JUL 1990

SHAH ALAM 7 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata Selangor Darul Ehsan boleh dijadikan negeri contoh kerana berjaya membangunkan ekonominya walaupun menyerahkan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, pentadbiran Selangor sebaliknya telah berjaya membangunkan Shah Alam menjadi ibu negeri yang maju khususnya dalam bidang industri.

"Hanya dalam tempoh 25 tahun Shah Alam telah bertukar dari sebuah daerah yang dipenuhi ladang kepada sebuah pusat industri dan pentadbiran yang maju," katanya semasa berucap merasmikan Shah Alam International Fair 1990 di sini malam ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, walaupun terpaksa "berkorban" menyerahkan Kuala Lumpur untuk kepentingan negara namun ternyata Selangor tidak rugi.

"Malah saya percaya Selangor dan rakyatnya akan menerima lebih banyak nikmat. Begitu juga dengan Shah Alam dijangka akan terus pesat membangun kerana kedudukannya berhampiran dengan Kuala Lumpur," katanya.

Perdana Menteri menambah kata, Malaysia mampu muncul sebagai sebuah negara yang

aktif dalam menganjurkan pesta - pesta antarabangsa.

"Kita telah menunjukkan peningkatan dalam bidang ini dan insya-Allah kita akan mencapai tahap tersebut. Untuk itu kita harus berjaya menarik lebih banyak syarikat pelabur gergasi menyertai pesta - pesta perdagangan di Malaysia," katanya.

Menurut beliau, penyertaan aktif pelabur asing bukan sahaja akan menguntungkan negara dari pelaburan dan peluang pekerjaan bahkan mampu menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Isteri Perdana Menteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib adalah antara 2,000 tetamu yang hadir di majlis perasmian itu.

Perdana Menteri kemudian menyaksikan pertunjukan bunga api dan laser serta minijau gerai - gerai pameran antaranya gerai EON yang mempamerkan kereta Proton Limousine dan SIRIM.

Pesta selama 16 hari ini disertai oleh 18 buah negara dan merupakan salah satu acara sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 1990.